

Pengenalan

Penulisan sejarah atau turut dikenali sebagai historiografi merupakan sebuah hasil laporan tentang sesuatu kejadian pada masa lampau yang telah disusun oleh ahli sejarah berdasarkan fakta yang ada.¹ Dalam perbincangan tentang penulisan sejarah ini, pada pendapat saya adalah lebih wajar dimulai dengan melihat kepada makna sejarah itu terlebih dahulu. Hal ini kerana, penulisan sejarah merupakan proses terakhir dalam penyelidikan kajian sejarah. Menurut Leopard von Ranke, yang digelar sebagai “Bapa Persejarahan Moden”, tujuan utama untuk mengkaji sejarah ialah untuk mewujudkan sesuatu peristiwa yang dikaji itu seperti sebenarnya ia telah berlaku (*wei es eigentlich gewesen*).² Oleh sebab sejarah terdiri daripada peristiwa yang benar-benar berlaku, maka adalah amat penting, penulisan kembali mengenai peristiwa berkenaan ditulis atau diceritakan dengan benar oleh ahli sejarah.³

Sememangnya, bagi mendapatkan kebenaran sejarah, saya bersetuju konsep asas yang perlu dipegang oleh ahli sejarah ialah mereka perlu melakukan penyelidikan seperti yang dikatakan oleh Muhd Yusof Ibrahim iaitu “Pengkajian sejarah haruslah didasarkan penyelidikan terhadap sumber-sumber yang boleh digunakan bagi mentafsir ataupun memaparkan kembali peristiwa-peristiwa masa lalu itu”⁴ J.B.Bury pula telah memperhalus konsep sejarah Ranke dengan menganggap sejarah itu adalah satu sains, tidak kurang dan tidak lebih.⁵ Jika diperhatikan, pandangan Ranke tentang sejarah mempunyai persamaan dengan konsep “sejarah yang betul” yang pernah dikemukakan oleh Ibn Khaldun, di mana beliau sentiasa bersikap kritis terhadap sumber-sumber dan catatan bagi menghasilkan penulisan sejarah kerana menggunakan catatan yang palsu akan menghasilkan sejarah yang palsu.⁶

¹ Drs. Hariyono, *Mempelajari Sejarah Secara Efektif*, Jakarta Indonesia : Pustaka Jaya, 1995, Hlm, 102

² Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahya, *Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, Hlm 280

³ Muhammad Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, Hlm 2

⁴ Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahya, *Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, Hlm 285

⁵ Ibid, Hlm 294

⁶ Ibid, Hlm 291

Pada pendapat saya, walaupun pandangan Ranke tentang maksud sejarah ini mendapat tentangan daripada ahli sejarah yang lain, misalnya oleh Benedetto Croce, yang menganggap bahawa sejarah merupakan kajian dan pemikiran sejarawan masa kini terhadap masa lalu melalui sumber-sumber yang didapatinya⁷ ataupun penolakan oleh R.G Collingwood dan E.H.Carr yang menganggap bahawa sejarah yang tepat muncul daripada konsep “seperti sebenarnya berlaku” adalah mustahil untuk dicapai dan ditulis sepenuhnya,⁸ perbezaan pendapat ini tidak menolak satu persamaan konkrit iaitu dalam kajian penyelidikan sejarah bagi menghasilkan sebuah penulisan sejarah, ia amat bergantung pada kritikan sumber dan penaksiran sumber kerana pengetahuan ahli sejarah mengenai masa lampau hanya dapat diperoleh melalui sumber-sumber yang ditinggalkan.

Malah, pada pendapat saya, pandangan Ranke dan ahli-ahli sejarah selepas zamannya adalah saling-melengkapi iaitu walaupun benar penulisan sejarah merupakan tafsiran dan pemikiran pengkaji sejarah terhadap sumber dan bukti yang diperoleh, namun ahli sejarah perlu mempunyai satu objektif iaitu berusaha menghasilkan karya sejarah seperti sebenarnya yang telah berlaku. Seperti yang dikatakan oleh R. Suntharalingam “Penulisan sejarah, sekalipun mengkaji sejarah sejagat, seharusnya memaparkan kejadian-kejadian hakiki yang dapat dikesan melalui pentafsiran bukti asli.”⁹ Semasa menulis tentang kebenaran dalam penulisan sejarah, Muhd Yusof Ibrahim juga telah melontarkan satu pandangan iaitu,

Bagaimakah seseorang sejarawan itu berusaha dan mungkin berjaya, mencapai apa yang dikira sebagai kebenaran sejarah itu? Sebenarnya persoalan ini adalah persoalan yang memerlukan kita menerangkan keseluruhan kaedah dan teknik penyelidikan sejarah itu sendiri. Hanya dengan melaksanakan kaedah dan teknik itulah maka barulah apa yang kita anggap sebagai kebenaran sejarah itu dapat diwujudkan.¹⁰

⁷ Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahya, *Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, Hlm 296

⁸ Ibid, Hlm 297

⁹ R. Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1987, Hlm 106

¹⁰ Muhammad Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, Hlm 65

Makna Sumber

Penjelasan tentang kaedah penyelidikan sejarah dimulai dengan perkara asas iaitu makna sumber. R.G.Collingwood menyatakan sumber ialah teks yang mempunyai kenyataan-kenyataan mengenai sesuatu peristiwa sejarah.¹¹ Manakala R.Suntharalingam berpendapat “ahli sejarah kini memandang dokumen sebagai bukan sahaja bahan-bahan bertulis, bahkan pula kesan-kesan peninggalan lama seperti koin, batu nisan, gambar dan sebagainya”¹²

Abdul Rahman Haji Abdullah telah mengelaskan sumber kepada tiga jenis. Jenis pertama ialah sumber berbentuk contohnya seperti candi-candi pengaruh Hindu Buddha seumpama Angkor Watt di Kemboja dan Candi Borobudur di Jawa Tengah. Jenis kedua ialah sumber tulisan, contohnya selain daripada dokumen, surat perjanjian, melalui inskripsi Telaga Batu dan Talang Tuwo, jelas tergambar kewujudan golongan merdeka dan hamba abdi dan jenis ketiga ialah sumber lisan melalui saksi sama ada yang mengalami, melihat dan menjadi saksi dalam peristiwa-peristiwa tertentu atau yang menyampaikan dan tidak menjadi saksi.¹³

Dalam perbincangan tentang sumber, terdapat dua perkara yang menimbulkan kekeliruan yang perlu dijelaskan terlebih dahulu.¹⁴ Pertama, ialah berkenaan perbezaan maksud bagi istilah ‘sumber’ dan ‘bukti’.¹⁵ Anggapan bahawa kedua-kedua istilah ini membawa maksud yang sama adalah kurang tepat kerana bukti sebenarnya bermaksud keterangan atau fakta-fakta yang dapat mengesahkan atau menyangkal sesuatu hal yang khusus. Manakala sumber pula bermaksud bahan-bahan yang menyediakan bukti berkenaan sesuatu yang dikaji.¹⁶ Sebagai contoh, untuk memudahkan pemahaman mengenai perbezaan tersebut, dokumen Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 antara Raja Abdullah, Menteri

¹¹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 8

¹² R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 29

¹³ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 70

¹⁴ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 29

¹⁵ R.G.Collingwood, *Idea Sejarah*, (terj. Muhd Yusof Ibrahim) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, Hlm 350-351

¹⁶ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 29

Ngah Ibrahim, Dato Sagor, Raja Bendahara, Syahbandar dan Raja Mahkota dengan Andrew Clarke yang masih boleh dirujuk dalam simpanan pihak Arkib Negara Malaysia,¹⁷ merupakan salah satu sumber yang boleh digunakan oleh ahli sejarah dalam penyediaan bukti bagi mengesahkan fakta yang boleh menyokong dakwaan J.W.W Birch dibunuh oleh sebab dasarnya mengancam kepentingan ekonomi pembesar Melayu di Perak.¹⁸

Perkara kedua yang menimbulkan kekeliruan ialah wujud pelbagai pandangan dan pendapat mengenai maksud sumber pertama dan sumber kedua.¹⁹ Menurut Louis Gottschalk, sumber pertama yang juga dikenali sebagai sumber primer, sumber awalan, dan sumber sezaman (first-hand sources) adalah sumber yang diperoleh daripada saksi yang betul-betul hadir semasa berlakunya peristiwa sejarah berkenaan sama ada dalam bentuk tulisan, catatan, dan juga keterangan saksi.²⁰ Manakala sumber kedua yang juga dikenali sebagai sumber sekunder dan sumber bukan sezaman (second-hand sources) dianggap oleh beliau sebagai sumber yang berbentuk catatan atau keterangan yang diperoleh daripada sesiapa sahaja yang bukan saksi iaitu seseorang yang tidak hadir semasa kejadian itu berlaku.²¹

Arthur Marwick pula mempunyai pandangan yang berbeza iaitu, beliau menyifatkan sumber pertama sebagai bahan yang wujud dalam keadaan asas, mentah dan tidak sempurna, manakala sumber kedua ialah tulisan ahli sejarah seperti karya sejarah yang tersusun, rencana atau buku.²² R.Suntharalingam dalam bukunya *Pengenalan Kepada Sejarah* dilihat lebih bersetuju dengan pendapat Arthur Marwick, kerana menurut beliau, pandangan Louis Gottschalk mengenai pengelasan sumber pertama dan kedua boleh menimbulkan lebih banyak pertikaian dan kerumitan. Ini jelas dinyatakan oleh beliau seperti dalam petikan:

¹⁷ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 13

¹⁸ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 29

¹⁹ Ibid, Hlm 29

²⁰ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 18

²¹ Ibid, Hlm 24

²² R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 30

..para ahli sejarah yang dikehendaki menyenaraikan sumber-sumber pertama yang digunakan dalam kajian mereka akan menghadapi masalah untuk memastikan bukan sahaja sama ada setiap dokumen itu adalah daripada seorang saksi bahkan pula, barangkali ini adalah lebih rumit, apakah bahagian-bahagian di dalam sebuah dokumen yang mengandungi keterangan yang disaksikan oleh penulis dan yang mana tidak disaksikan itu.²³

Oleh itu, dapat saya simpulkan bahawa sumber pertama merupakan sumber yang belum diolah, ditaksir, diterjemahkan atau disalin semula manakala sumber kedua secara asasnya merupakan hasil penulisan, tafsiran atau kesimpulan yang dibuat oleh seorang pengkaji sejarah terhadap sesuatu perkara yang dikajinya berdasarkan sumber pertama. Pada saya, ahli sejarah yang mempunyai pandangan seperti ini, akan menghasilkan penulisan sejarah yang lebih bermutu tinggi kerana, dalam penyelidikan sejarahnya, ahli sejarah berkenaan akan lebih mengutamakan penggunaan sumber pertama yang belum diolah berbanding menggunakan sumber kedua yang telah diolah berdasarkan pemikiran ahli sejarah terdahulu.

Kritikan

Ahli sejarah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam kajian penyelidikan sejarah supaya matlamat kebenaran dalam sejarah dapat dicapai. Penyelidikan tentang sumber sejarah biasanya melibatkan dua proses penting, iaitu heuristik dan kritik.²⁴

Dalam buku *Pengantar Ilmu Sejarah*, Abdul Rahman Haji Abdullah menjelaskan konsep heuristik sebagai “usaha atau kegiatan mencari dan mengumpulkan bahan atau sumber sejarah yang berselerak itu. Dan yang lebih penting ialah melalui usaha heuristik juga dapat ditemui sumber asal dan tulen hingga dengan itu kebenaran sejarah dapat dipertahankan”²⁵

Sememangnya tugas ahli sejarah amat rumit kerana selain perlu mencari dan menggali sumber sejarah sehingga digambarkan sebagai bekerja di bawah tanah oleh Niebuhr,²⁶ mereka

²³R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 30-31

²⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 70

²⁵ Ibid, Hlm 70

²⁶ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 8

juga perlu melakukan kritikan atau tafsiran sumber kerana tugas ahli sejarah bukanlah sebagai seorang penyalin semata-mata terhadap maklumat yang diperoleh daripada sumber sejarah. Menurut Marc Bloch, proses kritikan ini berpunca dari sikap kesangsian ahli sejarah terhadap keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pada masa lampau.²⁷ Keperluan melakukan kritikan ini turut ditegaskan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah,

“Sebagai prasyarat menuju keyakinan, kita seharusnya bersikap sangsi dan ragu-ragu tentang sesuatu sumber sebelum kita menerima dan mempercayai kebenarannya. Dalam falsafah, sikap kesangsian ini disebut sebagai skeptisme, suatu aliran fahaman yang meragui setiap fakta dan maklumat tentang sesuatu”²⁸

Proses perkembangan kritikan sumber banyak dipelopori oleh ahli sejarah barat seperti Leopold von Ranke (1795-1886)²⁹ yang telah menggunakan istilah Quellinkritik, iaitu kajian yang kritis terhadap sumber-sumber sejarah.³⁰ Ernst Bernheim (1889) pula, telah dianggap sebagai sejarawan yang berjaya meletakkan asas kritikan sumber secara sistematik kerana beliau telah membahagikan kritikan sumber kepada dua jenis, iaitu luaran dan dalaman.³¹

Kritikan Luaran

Kritikan luaran adalah satu usaha yang dilakukan oleh ahli sejarah untuk menentukan ketulenan dan keaslian sesuatu sumber sejarah.³² Menurut R. Suntharalingam dalam buku *Pensejarahan Barat* “Semenjak abad yang ke 17, ahli-ahli sejarah telah memperlihatkan kesanggupan untuk melihatkan sumber-sumber, baik sumber suci mahupun bukan suci, sebagai dokumen manusia, dan oleh itu tertakluk kepada ujian-ujian tertentu supaya memastikan kebenarannya”³³

²⁷ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 41

²⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia, 1994, Hlm 76

²⁹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 41

³⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia, 1994, Hlm 76

³¹ Ibid, Hlm 76

³² Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 42

³³ R. Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1987, Hlm 103

Jika sumber-sumber yang diuji dan dikritik itu akhirnya didapati palsu atau tiruan (fake and forgery), maka dengan sendirinya tidak akan dapat dirujuk lagi dalam kajian sejarah.³⁴

Beliau turut menjelaskan bahawa antara sebab yang mendorong sesetengah individu memalsukan sumber ialah kerana tuntutan politik dan keinginan mengaut keuntungan.³⁵ Di Eropah, misalnya satu contoh yang terkenal ialah sebuah dokumen yang dikenali sebagai Donation Of Constantine, yang digunakan sebelum pertengahan kurun kelima belas untuk mengukuhkan suatu teori pihak gereja bahawa paus-paus agama Katolik mempunyai hak yang meluas ke atas tanah di Eropah. Tetapi pada T.M 1400 Lorenzo Valla telah dapat membuktikan yang dokumen itu adalah palsu, yang bererti tuntutan paus itu adalah juga palsu.³⁶

Melihat kepada pelbagai motif pemalsuan sumber, setiap ahli sejarah perlu sentiasa sangsi tentang kemungkinan adanya sumber yang palsu, yang digunakan dalam penulisan sejarah. Louis Gottschalk ada menyarankan beberapa cara untuk menentukan keaslian sesuatu sumber. Antaranya ialah dengan membandingkan sesuatu dokumen itu dengan dokumen lain yang sezaman dengannya iaitu untuk menentukan kesamaan nya dari segi kertas, jenis dakwat, alat yang digunakan, tarikh-tarikh dan barangkali juga cara penulisan itu dibuat.³⁷

Perbandingan yang dimaksudkan beliau, boleh dilakukan melalui beberapa ujian seperti ujian kimia, ujian bahasa dan ujian tulisan tangan. Menurut R.Suntharalingam, ujian kimia bertujuan untuk menentukan usia sebenar sesuatu dokumen. Ia akan dapat membantu ahli sejarah dalam menentukan usia kertas, dakwat, dan lain-lain bahan dan cara yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah dokumen.³⁸ Proses ini dilakukan kerana bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilan sesebuah dokumen atau sumber sejarah akan berubah mengikut peredaran masa. Misalnya bahan-bahan untuk menghasilkan tembikar pada zaman tamadun

³⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 76

³⁵ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 36

³⁶ Muhammad Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, Hlm 96

³⁷ Ibid, Hlm 96

³⁸ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 37

Yangshao tidak sama dengan tamadun Loashang walaupun kedua-dua tamadun ini pernah wujud di China dan berbeza dari segi zaman kemunculannya.³⁹ Atau, jika kertas digunakan sebelum tahun 1150 T.M, boleh dikatakan dokumen itu palsu kerana pada itu hanya kulit kambing digunakan sebagai kertas dokumen.⁴⁰

Bagi ujian bahasa pula, ia juga penting dijalankan oleh ahli sejarah kerana sifat bahasa di dunia ini adalah dinamik dan berubah mengikut zaman⁴¹. Sebagai contoh, gaya bahasa dalam sesebuah masyarakat akan berubah dari segi tatabahasa, struktur ayat, ejaan, tanda baca dan istilah. Perkara ini dapat dibuktikan jika kita membandingkan gaya bahasa penulisan tahun 1800-1900 contohnya Hikayat Abdullah karya Abdullah Abdul Kadir Munsyi dengan gaya bahasa kini. Antara petikan dalam karya tersebut ialah,

“Sebermula kemudian daripada itu, maka katanya kepadaku, sahaya mahu suruhkan Encik karangkan sepucuk surat akan balasan surat ini kepada Raja Siam, maka boleh sahaya kasi fikiran kepada Encik, setelah itu boleh Encik karangkan surat itu bagaimana patutnya”⁴²

Satu lagi ujian yang boleh dilakukan oleh ahli sejarah ialah ujian tulisan tangan yang terdapat dalam sesuatu dokumen dan sumber sejarah. Kebanyakan dokumen dan sumber sejarah pada masa lampau, ditulis menggunakan tulisan tangan. Hanya pada sekitar pertengahan abad ke 19 dan ke 20, wujud sumber dalam keadaan bertaip atau dicetak.⁴³ Seperti yang dikatakan oleh Garraghan, setiap bentuk tulisan tangan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.⁴⁴ Ujian tulisan tangan ini dijalankan oleh ahli sejarah dengan cara membandingkan tulisan tangan individu tersebut dengan dokumen tulisan tangan lain yang ditulis oleh individu tersebut.⁴⁵ Contohnya,

³⁹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 43

⁴⁰ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 38

⁴¹ Ibid, Hlm 44

⁴² Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara Sdn Bhd, 1962, Hlm 194

⁴³ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 43

⁴⁴ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 38

⁴⁵ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 44-45

dalam isu pemalsuan buku Harian Hitler yang catatannya dibuat dalam tulisan tangan Hitler, pakar telah membandingkan tulisan tangan itu dengan dokumen lain yang ditulis oleh Hitler.⁴⁶

Proses kritikan luaran ini sebenarnya membuktikan bahawa kepakaran ahli sejarah dalam penyelidikan sejarah, mempunyai had tertentu. Hal ini kerana, dalam menentukan ketulenan sesuatu sumber, ahli sejarah perlu mendapatkan bantuan pakar-pakar dalam bidang lain bagi melakukan ujian, contohnya pakar dalam bidang kimia, bahasa dan tulisan.⁴⁷

Pada pendapat saya, sesetengah ujian mempunyai ketepatan yang lebih jitu berbanding ujian yang lain seperti keputusan ujian kimia terhadap sesuatu sumber lebih kukuh dan dipercayai berbanding keputusan ujian tulisan. Hal ini kerana, tulisan tangan boleh berubah walaupun ditulis oleh individu yang sama, berdasarkan keadaan dia menulis contohnya dalam keadaan marah, tergesa-gesa atau tenang. Contoh lain, walaupun pakar telah membandingkan Buku Harian Hitler dengan tulisan tangan Hitler yang lain, namun buku berkenaan hanya berjaya dibuktikan palsu apabila Persekutuan Jerman Barat di Coblenz yang menjalankan ujian kimia ke atas dokumen berkenaan mendapati benang-benang yang digunakan dalam penjilidan buku harian itu hanya mula digunakan selepas tahun 1945 iaitu selepas kematian Hitler.⁴⁸

Seterusnya pada saya, walaupun tidak dapat nafikan bahawa dalam proses melakukan kritikan luaran terhadap sumber, akan timbul masalah seperti keadaan fizikal sumber atau dokumen yang tidak sempurna, seperti berlipat-lipat, kekuningan, transkrip yang sudah luntur atau berlubang di makan serangga,⁴⁹ namun ia tidak seharusnya melunturkan semangat ahli sejarah dalam menjalankan usaha menentukan keaslian sumber kerana penulisan sejarah tidak akan dapat mencapai kebenarannya tanpa kritikan luaran.

⁴⁶ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 38

⁴⁷ Ibid, Hlm 39

⁴⁸ Ibid, Hlm 38-40

⁴⁹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 115

Kritikan Dalaman

Sekiranya proses kritikan luaran memerlukan bantuan pakar dalam bidang lain, maka tugas ahli sejarah yang sebenar ialah bagi mentafsir isi kandungan sumber sejarah yang telah disahkan tulen.⁵⁰ Proses ni dikenali sebagai kritikan dalaman. Abdul Rahman Haji Abdullah dalam bukunya *Pengantar Ilmu Sejarah* menegaskan,

“..adapun tentang kritik dalaman, yang dituju adalah tentang kemunasabahan (credibility) atau kewarasan isi kandungan sesuatu sumber itu. Jelasnya, apakah kandungannya itu benar, rasional, atau logik. Walaupun dari segi kritik luarannya sumber itu mungkin asli dan tulen, namun jikalau kandungannya tidak munasabah atau tidak waras, tentunya tidak harus dijadikan sumber lagi”⁵¹

R.Suntharalingam dalam karyanya telah menggariskan beberapa panduan atau peraturan yang boleh digunakan oleh ahli sejarah bagi melakukan kritikan dalaman dengan sempurna.⁵²

Namun dalam penulisan ini, saya telah menyusun kembali dengan menambah pandangan ahli sejarah yang lain seperti Rozeman Abu Hassan serta menyusun mengikut keutamaan tafsiran pada pandangan saya Pertama, semua sumber tanpa pengecualian mestilah ditafsir.⁵³ Ini bermakna, perkara paling asas ialah, ahli sejarah perlu bersikap adil dan tidak berat sebelah dalam pemilihan sumber yang ingin ditafsir. Ini adalah amat penting bagi menghasilkan penulisan sejarah seperti sebenarnya yang telah berlaku. Jika diperhatikan, sejak zaman pensejarahan Yunani lagi, peraturan ini telah diguna pakai. Sebagai contoh, sebagaimana yang dikatakan oleh R.Suntharalingam, dalam buku *Pensejarahan Barat*,

“Dua kesimpulan dapat dibuat berkenaan pengumpulan bukti oleh Herodotus dan Thucydides. Pertama, mereka berusaha mencari semua jenis bukti tanpa mengabaikan mana-mana jenis. Kesediaan mereka untuk mencari sumber bertulis, dan bukan bertulis, di samping melakukan kajian luar dan temu duga, memperlihatkan kesungguhan yang tinggi dalam menjayakan penyelidikan mereka”⁵⁴

⁵⁰ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 40

⁵¹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 81

⁵² R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 41

⁵³ Ibid, Hlm 41

⁵⁴ R.Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1987, Hlm 14

Ahli sejarah perlu menapis setiap sumber sejarah untuk menjamin setiap perkara atau butiran yang diambil daripada sumber itu boleh dipertanggungjawabkan.⁵⁵ Pernyataan ini bererti sesuatu yang ingin diletakkan dalam penulisan sejarah perlu disahkan oleh ahli sejarah itu sendiri dan bukannya oleh saksi-saksi.⁵⁶ Perkara ini perlu dilakukan bagi mengelakkan kesilapan fakta sejarah dalam sebuah penulisan sejarah.

Peraturan kedua, tafsiran sumber sejarah perlulah dilakukan secara rasional. Sekiranya fakta-fakta sejarah itu tidak bertentangan dengan hukum-hukum akal dan hukum alam seperti tiada kewujudan unsur ghaib, mitos dan lagenda , maka ia dapatlah diterima sebagai benar dan munasabah.⁵⁷ Pada saya, tafsiran secara rasional ini tidak mempunyai perbezaan yang banyak dengan kaedah tafsiran logik yang dijelaskan oleh Rozeman Hassan. Menurut beliau, “kebolehan ahli sejarah dalam membuat tafsiran secara logik akan dapat mengemukakan fakta-fakta sejarah secara tepat dan sahih”⁵⁸ Sebagai contoh, Herodotus menyangkal cerita orang Yunani dan Sycchia, yang mengatakan bahawa orang Neurian setiap tahun akan menjadi seekor serigala selama beberapa hari, dan kemudian akan dipulihkan kepada rupa asalnya. Walaupun cerita ini disampaikan kepada Herodotus berkali-kali oleh orang Yunani dan Sycchia yang bermastautin di negeri Sycchia, serta ada pula yang bersedia untuk menyokong dakwaan mereka dengan sumpah, namun Herodotus menyifatkan cerita itu sebagai karut. ⁵⁹ Bagi ahli sejarah, keterangan yang disampaikan dengan sumpah, tidak menjamin kebenarannya. ⁶⁰

Peraturan ketiga pula melibatkan penelitian tentang tujuan sesuatu bukti dihasilkan. Menurut R.Suntharalingam dengan menggunakan hujah Profesor Elton, memang terdapat pihak yang menyediakan bukti yang bertujuan khas untuk mempengaruhi penulisan ahli sejarah

⁵⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 47

⁵⁶ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 41

⁵⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia,1994, Hlm 83

⁵⁸ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 52

⁵⁹ R.Suntharalingam, *Pensejarahan Barat*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1987, Hlm 16

⁶⁰ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 44

seperti pengarang babad, buku harian, buku kenang-kenangan dan surat untuk penerbitan.⁶¹ Garis panduan yang dinyatakan oleh R.Suntharalingam ini dalam bukunya *Pengenalan Kepada Sejarah*, pada saya seiring dengan proses kritikan luaran tafsiran psikologi yang dihujahkan oleh Rozeman Abu Hassan dalam bukunya *Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah*. Menurut Rozeman, kaedah tafsiran psikologi ini adalah untuk melihat pemikiran atau watak penulis sesuatu sumber yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran fizikal, sosial dan intelektual.⁶² Sebagai contoh, karya sejarah ‘*Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*’ oleh J.M.Gullick, seorang pegawai tadbir British di Tanah Melayu, kerap kali memaparkan keburukan raja-raja Melayu dan dilihat berat sebelah seperti menggambarkan Baginda Omar, Raja Terengganu tentang cara pemakaian yang tidak terurus, dan memburukkan sikap baginda.⁶³ Pada saya, perkara ini amat penting diberikan perhatian oleh ahli sejarah semasa melakukan penafsiran isi kandungan sumber bagi mengelakkan interpretasi yang salah terhadap sesuatu peristiwa sejarah. Ahli sejarah perlu bersifat kritis untuk mengenal pasti siapa penulis dokumen dengan menentukan kedudukannya atau peranan individu tersebut pada masa itu.⁶⁴

Garis panduan kritikan dalaman yang keempat ialah, ahli sejarah perlu mengambil kira dan mentafsir keadaan seseorang saksi dalam menyampaikan bukti. Pada pendapat saya, terdapat tiga keadaan. Pertama, ahli sejarah perlu memastikan latar belakang saksi sebelum menapis buktinya terutamanya saksi yang berkepentingan seperti pegawai kerajaan atau jurucakap parti politik.⁶⁵ Pada pandangan R.Suntharalingam, “Keterangan yang diberikan oleh saksi seumpama ini seharusnya ditafsir dengan lebih berhati-hati oleh sebab kecenderungan mereka untuk mempertahankan pihak yang mereka wakili itu” Sebagai contoh, dalam rusuhan

⁶¹ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 48

⁶² Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 53

⁶³ Ibid Hlm, 54

⁶⁴ Ibid Hlm, 11

⁶⁵ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 45

kaum di bandar Salem pada tahun 1882, saksi-saksi yang memberikan keterangan di mahkamah telah menyalahkan pihak lawan dengan mengatakan pihak lawan bertanggungjawab terhadap rusuhan berkenaan. Namun selepas tamat perbicaraan kes itu, beberapa orang saksi telah didapati bersalah kerana memberi keterangan palsu.⁶⁶

Keadaan saksi yang kedua ialah, keupayaan saksi untuk memaparkan dengan jujur dan tepat peristiwa yang dialaminya selepas satu jangka masa yang amat panjang seperti berpuluhan puluh tahun.⁶⁷ Contohnya, keterangan saksi kejadian rusuhan kaum di Malaysia, 13 Mei 1969 yang ditemu bual pada hari ini tentang peristiwa yang berlaku hampir 50 tahun lepas. Pada saya, keterangannya perlu disangsi dan ditafsir kerana selain daripada faktor umur dan ingatan, ia berkemungkinan untuk menokok tambah, mengetepikan perkara yang penting, dan menceritakan perkara yang kurang berkaitan.

Keadaan saksi yang ketiga ialah saksi yang memberikan bukti dalam keadaan merahsiakan nama dan identitinya. Sebagai contoh, ruang ‘Surat dari Pembaca’ dalam akhbar kerap diisi dengan nama samaran.⁶⁸ Ahli sejarah bersikap keberatan untuk mempercayai sumber-sumber seperti ini kerana kesukaran untuk mengesan, mengenal saksi menjadikan ahli sejarah sukar untuk menentukan latar belakang saksi, kejujurannya atau kelayakannya.⁶⁹ Pada pendapat saya, adalah amat wajar ahli sejarah mengambil pendekatan sedemikian kerana kesilapan mempercayai fakta-fakta yang dikemukakan oleh saksi tanpa nama, menyebabkan kebenaran dalam karya sejarah tidak berjaya dicapai.

Pada pendapat saya, setelah semua tafsiran di atas telah dilakukan oleh ahli sejarah, ahli sejarah perlu melakukan satu lagi tafsiran wajib dalam kritikan luaran iaitu tafsiran verbal. Tafsiran ini lebih memfokuskan kepada aspek bahasa dalam usaha untuk mengetahui makna

⁶⁶ R.Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Marican & Sons (M) Sdn Bhd, 1985, Hlm 46

⁶⁷ Ibid, Hlm 49

⁶⁸ Ibid, Hlm 49

⁶⁹ Ibid, Hlm 50

perkataan-perkataan dalam sesuatu dokumen.⁷⁰ Tafsiran ini amat penting dilakukan bagi mengetahui makna idea yang ingin ditonjolkan oleh penulis dokumen berkenaan. Dalam melaksanakan proses tafsiran verbal, ahli sejarah perlu mengetahui aspek perbendaharaan kata, tatabahasa dan konteks sintaksis dalam sesuatu ayat.⁷¹ Contoh yang jelas kepentingan tafsiran verbal ialah dalam sebutan Latin, perkataan ‘*reserare*’ pada zaman klasik bermaksud ‘*to open*’ tetapi makna perkataan tersebut berubah pada zaman pertengahan dengan membawa maksud ‘*to close*’.⁷² Ini membuktikan bahawa kegagalan ahli sejarah melakukan tafsiran verbal akan menyebabkan kesalahan fakta sejarah dalam penulisan sejarah mereka.

Kesimpulan

Pada pendapat saya, setiap garis panduan dalam proses kritikan luaran dan dalaman yang telah dibincangkan ini adalah amat penting untuk dipatuhi kerana pada asasnya ahli sejarah bebas memberi analisis dan tafsiran terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang dikaji.⁷³ Ini merupakan tanggungjawab kepada seorang ahli sejarah supaya mereka dapat mengemukakan fakta-fakta yang boleh dipercayai dan bukannya pemalsuan fakta. Masalah kesalahan fakta akan menyebabkan tahap kebenaran penulisan sejarah adalah rendah dan tidak akan menjadi rujukan teks kepada para pengkaji lain. Akibatnya, hasil karya itu bukanlah hasil karya sejarah, malah ia mungkin karya falsafah, sastera, ataupun politik malah mungkin merupakan suatu karya yang berbentuk dakyah yang bertujuan untuk mengembang sesuatu ideologi, memuji, mengeji seseorang, ataupun demi kepentingan diri sendiri sahaja.⁷⁴ Oleh itu, tidak dapat dinafikan, ahli sejarah amat bergantung proses kritikan dan pentafsiran sumber, dalam menghasilkan penyelidikan dan penulisan sejarah yang berkualiti dan mencapai kebenaran sejarah.

⁷⁰ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah*, Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd, 2004, Hlm 48

⁷¹ Ibid, Hlm 49-50

⁷² Ibid, Hlm 49-50

⁷³ Ibid, Hlm 38

⁷⁴ Muhammad Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, Hlm 89